

Abdullah arah BPR lebih aktif siasat aduan

30 JUN 2003

ALOR GAJAH 29 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengarahkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) berperanan lebih aktif menyiasat setiap aduan yang diterima termasuk di kalangan anggota Kementerian Dalam Negeri sendiri.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, amalan rasuah di kalangan rakyat terutama orang Melayu tidak boleh dibenarkan membiak di negara ini.

“Amalan rasuah perlu dikurangkan dan usaha ke arah menghapuskannya mestilah terus dilaksanakan oleh semua pihak.”

“Kalau ada aduan terhadap KDN melalui Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan polis, siasatan perlulah dilakukan,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri program Hari Keluarga kakitangan Pejabat Timbalan Perdana Menteri di sini.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri mengulas ingatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada rakyat di negara ini,

terutama orang Melayu mengenai bahaya mengamalkan rasuah kerana jika tidak berwaspada negara mungkin jatuh ke tangan perasuah paling teruk.

Ketika berucap pada majlis anugerah Pingat Integriti Ne-

gara, Ketelusan Antarabangsa Malaysia di Kuala Lumpur semalam, Dr. Mahathir berkata, amalan buruk itu sepatutnya dihindari seperti racun, tetapi malangnya, masih ramai rakyat termasuk orang Melayu menerima rasuah sebagai jalan mudah untuk meraih kekayaan.

■ Lihat muka 4

Abdullah arah BPR lebih aktif siasat 'aduan

Pada sidang akhbar itu, Abdullah turut menjelaskan mengenai jumlah 23,000 anggota polis yang akan diambil bagi menguatkan lagi bidang penguatkuasaan di negara ini.

Katanya, pengambilan itu akan dilakukan secara berperingkat-peringkat untuk jangka masa lima tahun bukannya dua tahun seperti yang dilaporkan oleh media, hari ini.

“Daripada jumlah 23,000 yang kita rancang, 4,000 akan diambil dalam masa dua tahun, yang lebih dari itu akan diambil dalam jangka masa yang diperlukan iaitu dalam tempoh lima tahun,” katanya.

Ditanya mengenai kira-kira 20 buah projek pembinaan perumahan dan balai polis yang terbengkalai di seluruh negara, beliau berkata, perkara itu akan diatasi.

“Pada masa ini kita akan memperbaiki projek-projek yang terbengkalai itu, manakala projek yang belum dibina akan dibuat secara terus melalui tawaran tender,” katanya.